

**PENGLIBATAN MAHASISWA DALAM REFORMASI
POLITIK THAILAND, 1970-1990-AN**

RABAAH BINTI ABDULLAH

**JABATAN PENGAJIAN ASIA TENGGARA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan penglibatan mahasiswa dalam reformasi politik Thailand dari 1970 hingga 1990-an yang telah memberi impak yang besar terhadap politik dan rakyat Thailand. Fokus utama kajian menjurus kepada peranan yang dimainkan oleh aktivis mahasiswa 1970-an khususnya dari Universiti Thammasat, Universiti Chulalongkorn serta *Persatuan National Student Center of Thailand* (NSCT) dalam usaha membentuk politik yang lebih demokratik di Thailand. Perbincangan berkisar kepada faktor-faktor yang mendorong keterlibatan mahasiswa dalam aktiviti-aktiviti yang berunsurkan politik dan sosial serta kesannya kepada kesedaran politik dalam kalangan masyarakat umum. Selain itu, pengaruh dan kerjasama aktivis mahasiswa dalam Pertubuhan Bukan Kerajaan termasuk kesatuan-kesatuan buruh dan petani turut diberi tumpuan. Kajian ini juga memberi penekanan kepada insiden 14 Oktober 1973, 6 Oktober 1976 dan Mei 1992 yang memperlihatkan keterlibatan mahasiswa secara langsung dalam reformasi politik di Thailand. Reformasi politik bukan sahaja menyebabkan kerap berlaku pertukaran kerajaan malah turut membabitkan pindaan Perlembagaan Thailand. Aktivis mahasiswa memainkan peranan penting di sebalik perubahan tersebut. Maklumat-maklumat berkenaan perjuangan aktivis mahasiswa menuntut demokrasi di Thailand dan kesannya kepada masyarakat dan negara dicerap dan dianalisis daripada dokumen-dokumen, buku-buku serta artikel-artikel berkaitan isu tersebut yang ditulis oleh para sarjana Thai dan juga Barat. Akhbar-akhbar seperti *Bangkok Post*, *The Nation* dan *Prachathipthai* serta draf-draf Perlembagaan Thailand merupakan rujukan utama di samping bahan-bahan bacaan lain yang membincangkan isu-isu yang berkaitan perjuangan demokrasi mahasiswa. Temubual turut dilakukan dengan bekas pemimpin mahasiswa dekad 1970-an sebagai satu alternatif untuk mendapatkan maklumat secara lisan. Secara keseluruhannya, penglibatan mahasiswa dekad 1970-an dalam senario politik Thailand adalah bertujuan untuk menegakkan prinsip demokrasi yang mengutamakan kepentingan rakyat. Lantaran itu, mereka dikenali sebagai ‘kumpulan pendesak’ terhadap kerajaan dan kebanyakan daripada aktivis mahasiswa 1970-an ini masih memainkan peranan sebagai ‘kumpulan pendesak’ pada dekad 1990-an. Golongan ini menyalurkan idea dan kritikan mereka terhadap kerajaan melalui Pertubuhan Bukan Kerajaan dan media massa. Ini membuktikan bahawa penglibatan aktivis mahasiswa dalam politik bukanlah bermusim dan mereka serius dalam memperjuangkan kepentingan rakyat.



ABSTRACT

This study discusses the involvement of university students in Thailand's political reforms between the period of the 1970s and 1990s. Literature on political reform in Thailand indicates the significant role of university students in the political development and welfare of the people of Thailand. The study focuses on the roles played by student activists of the 1970s in two premier Thai universities namely Thammasat University and Chulalongkorn University, both located in central Bangkok. Student activists from these universities led the formation of the Association of National Student Center of Thailand (NSCT) as a platform to voice their demand for more democratic politics in Thailand. These included the demand for constitutional reforms as well as the replacement of military regimes in favor of democratically elected civilian governments in Thailand. The study discusses in depth, the factors that encourage students' involvement in political and social activities and its impact on political awareness among the general public. In addition, the study examines the influence and collaboration of student activists with non-governmental organizations, including labour unions and association of farmers. Based on three main incidents involving Thai university students namely, the events of the 14th of October 1973, 6th of October 1976 and May 1992, the study demonstrates the students' direct involvement in political reform in Thailand. Political reform not only resulted in the change of government but also involved numerous amendments to the Constitution of Thailand reflecting a more democratic process in place. Student activists played key roles in "pushing" for these changes. Information on student activists were collected and analyzed from numerous primary documents, relevant books and articles, written by both Thai and non-Thai scholars. The main references for the study include newspapers such as the *Bangkok Post*, *The Nation* and *Prachathipthai* as well as drafts of Thailand's Constitution, in addition to other reading materials that discuss issues related to student movements in general. Interviews were also conducted with former key student leaders who were active in the 1970s to complement existing data. Overall, students' involvement in the 1970s in Thailand's political scenario were aimed to uphold the principles of democracy and the right of the people. Thus they were known as 'pressure groups' against the government and most of the student activists of the 1970s continued as an effective 'pressure group' into the 1990s. This group channeled their ideas and criticism of the government through non-governmental organizations and the mass media. This demonstrates that the involvement of student activists in Thai politics is not seasonal and they are a significant force in fighting for the interests of the people.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI PETA	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2. Kerangkakerja Teoritikal dan Konseptual	10
1.3 Skop Kajian	15
1.4 Objektif Kajian	19
1.5 Persoalan Kajian	20
1.6 Signifikan Kajian	21
1.7 Limitasi Kajian	21
1.8 Kajian Literatur	22
1.9 Metodologi Kajian	36
1.10 Pembahagian Bab	38
1.11 Kesimpulan	41

BAB 2 PENGLIBATAN MAHASISWA DALAM POLITIK THAILAND: SEJARAH DAN LATAR BELAKANG

2.1 Pengenalan	43
2.2 Gerakan Mahasiswa Sebagai ‘Kumpulan Pendesak’	44
2.3 Gerakan Awal Mahasiswa Di Asia Tenggara	45
2.3.1 Indonesia	46
2.3.2 Burma	49
2.4 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Gerakan Mahasiswa Di Thailand	55
2.4.1 Dari Aspek Pendidikan	56
2.4.2 Lokasi Universiti-universiti di Bangkok	60
2.4.3 Peranan Media Massa	63
2.4.4 Latar Belakang Mahasiswa	66
2.5 Penglibatan Mahasiswa Sebagai Aktivis Politik Dan Sosial: Pra-1973	71

2.6 Peranan <i>National Student Center of Thailand</i> (NSCT)	78
2.7 Kesimpulan	85

BAB 3 KEBANGKITAN MAHASISWA GENERASI 73-76 DAN IMPAKNYA TERHADAP POLITIK THAILAND (1970- 1980AN)

3.1 Kebangkitan Mahasiswa 1973	89
3.1.1 Isu Perlembagaan Negara Thailand	89
3.2 Gerakan Mahasiswa Mencetus Gerakan Baru dan Massa	103
3.3 Kemunculan Persatuan-persatuan Berhaluan Kanan Sebagai Pencabar Gerakan Mahasiswa	105
3.4 Pembentukan Kerajaan Demokrasi 1973-1976	111
3.4.1 Peranan Mahasiswa Era Perdana Menteri Sanya Dharmasaki (14/10/1973 – 26/2/1975)	112
3.4.2 Aktivis Mahasiswa Dalam Era Perdana Menteri Kukrit Pramoj (14/3/1975 – 20/4/1976)	116
3.4.3 Aktivis Mahasiswa Dalam Era Perdana Menteri Seni Pramoj (20/4/1976-6/10/1976)	118
3.5 Kebangkitan Mahasiswa 1976	122
3.6 Kesan Demonstrasi 1976 Ke Atas Mahasiswa Dan Massa	130
3.6.1 Mahasiswa dan Communist Party of Thailand (CPT): Hubungan Kerjasama	131
3.7 Peranan Mahasiswa Dalam Politik Thailand 1976-1980-an	137
3.7.1 Kebangkitan Kesatuan-kesatuan Sekerja	138
3.7.2 Kebangkitan Semula Aktivis Mahasiswa (1980-an)	140
3.8 Kesimpulan	148

BAB 4 MAHASISWA DALAM REFORMASI POLITIK MENUNTUT PERUBAHAN PERLEMBAGAAN (1932-1997)

4.1 Pengenalan	153
4.2 Penglibatan Mahasiswa Di Sebalik Perubahan Perlembagaan Thailand Dari 1930-an -1940-an	158
4.3 Penglibatan Mahasiswa Di Sebalik Perubahan Perlembagaan Thailand Dari 1950-an – 1960-an	167
4.4 Penglibatan Mahasiswa Di Sebalik Perubahan Perlembagaan Thailand Dekad 1970-an	171

4.5 Peranan Mahasiswa Di Sebalik Perubahan Perlembagaan Thailand Dekad 1990-an	185
4.6 Kesimpulan	199

BAB 5 KRISIS POLITIK 1990-AN: MAHASISWA GENERASI 1970-AN BERSAMA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN DALAM MEMBAWA REFORMASI POLITIK

5.1 Pengenalan	204
5.2 Persatuan Mahasiswa, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Kesatuan Sekerja	205
5.3 Peranan Aktivis Mahasiswa 1990-an Dalam Menegakkan Demokrasi Di Thailand	214
5.4 Krisis Politik 1990-an: Penentangan Dari Aktivis Mahasiswa	218
5.5 Peristiwa Mei 1992	226
5.6 Peranan Aktivis Mahasiswa 1970-an Dalam Politik Semasa (1990-an)	235
5.7 Kesimpulan	238

BAB 6 KESIMPULAN

- Kesimpulan	241
--------------	-----

BIBLIOGRAFI	256
--------------------	-----

SENARAI PETA

Peta 3.1:	Lokasi Peristiwa 14 Oktober 1973	106
Peta 5.1:	Lokasi Peristiwa Oktober 1973, 1976 dan 1992	232
Peta 5.2:	Lokasi Peristiwa Mei 1992	234

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1:	Pembahagian tahap pendidikan ibu bapa mahasiswa	62
Jadual 3.1:	Senarai nama mahasiswa yang ditahan pada 6 Oktober 1973	90
Jadual 3.2:	Senarai nama mahasiswa yang terlibat dengan tuntutan perlembagaan (1973)	93
Jadual 3.3	Senarai Ahli Kabinet Sanya Dharmasakti	113
Jadual 3.4:	Mahasiswa, parti politik Thailand dan kegiatan pekerja dalam reformasi (1970-an – 1980-an)	138
Jadual 4.1 :	Ahli jawatankuasa NSCT yang terlibat dalam merangka draf Perlembagaan Thailand (1974)	174
Jadual 4.2:	Isu-isu kontroversi dalam Perlembagaan Thailand dari tahun 1932-1992	195
Jadual 4.3:	Senarai 16 buah Perlembagaan Thailand (1932-1997)	197
Jadual 5.1:	Senarai nama 15 mahasiswa yang ditahan oleh pihak rejim tentera pada tahun 1991	222
Jadual 5.2:	Senarai nama ahli akademik yang menentang tindakan NPKC	224
Jadual 5.3:	Parti-parti yang bertanding dalam Pilihanraya 1992	227
Jadual 5.4	Senarai nama aktivis mahasiswa generasi 1973/76 yang menyertai kabinet Thaksin Shinawatra (2001)	237

SENARAI RAJAH/ CARTA

Rajah 2.1:	Lokasi universiti di Bangkok	62
Carta 2.1:	Carta Organisasi NSCT	81
Carta 3.1 :	Impak gerakan mahasiswa 1973, aliran ideologi	110
Carta 3.2 :	Faktor dan kesan gerakan revolusi mahasiswa 1973 di Thailand	121
Carta 3.3:	Faktor dan kesan demonstrasi mahasiswa 1976	122
Carta 4.1:	Perlembagaan Thailand 1932-1997	198
Carta 5.1:	Peristiwa Mei 1992	234

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1:	Aktivis mahasiswa generasi 1970-an yang masih aktif terlibat sebagai pengkritik politik Thailand.	269
Lampiran 2:	Senarai aktivis mahasiswa yang terkorban dalam peristiwa 14 Oktober 1973.	270
Lampiran 3:	Kronologi Peristiwa 14 Oktober 1973 yang dipamerkan di Tugu Peringatan	271
Lampiran 4:	Peristiwa 6 Oktober 1976	277
Lampiran 5:	Senarai Perdana Menteri Thailand dari tahun 1973-1976	279
Lampiran 6:	Senarai Perdana Menteri Thailand dari tahun 1932-1997	280

SENARAI SINGKATAN

ABFSU	All Burma Federation of Student Unions
BSPP	Burma Socialist Programme Party
CPD	Campaign for Popular Democracy
CPT	Communist Party Of Thailand
DDC	Democracy Development Committee
Dr.	Doktor falsafah
FAMRED	Front Aksi Mahasiswa Untuk Reformasi dan Demokrasi
FIST	Federation of Independent Student of Thailand
FKSMJ	Forum Komunikasi Senat Mahasiswa Jakarta
FLUT	Federation of Labour Unions of Thailand
KAMI	Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia
KAMMI	Kesatuan Aksi Mahasiswa Muslim Indonesia
KAPI	Kesatuan Aksi Pelajar Indonesia
KAPPI	Kesatuan Aksi Pemuda Pelajar Indonesia
KOMRAD	Komite Mahasiswa Dan Rakyat Untuk Demokrasi
LCT	Labour Congress of Thailand
MPR	Majlis Perwakilan Rakyat
NARC	National Administrative Reform Council
NCTL	National Council of Thai Labour
NFWC	National Federations of Workers Congress

NGO	Non Governmental Organization
NLA	National Legislative Assembly
NLDAC	National labour Development Advisory Committee
NPC	National Policies Council
NPKC	National Peace Keeping Command
NSCT	National Student Center of Thailand
PAT	Port Authority of Thailand
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PKI	Parti Komunis Indonesia
PRC	Political Reform Committee
RIT	Rangoon Institute of Technology
RUSU	Rangoon University Student Union
SRT	State Railway of Thailand
SU-MPR	Sidang Umum Majelis Pemusyawaratan Rakyat
TOT	Telephone Organization of Thailand
TRRM	Thailand Rural Reconstruction Movement
TUGVC	Thammasat University Graduate Volunteer Center
UNICEF	United Nations Children's Fund

Pengenalan

1.1 Pengenalan

Kajian ini adalah berfokuskan kepada penglibatan mahasiswa dalam reformasi politik Thailand dalam tempoh masa 1970 hingga 1990-an. Peranan mahasiswa khususnya dari Universiti Thammasat dan Universiti Chulalongkorn sangat menonjol dalam tahun 1970-an dan mereka merupakan penggerak utama ke arah perubahan dan perkembangan politik negara dan masyarakat Thailand. Kumpulan aktivis mahasiswa 1970-an ini diberikan pelbagai gelaran seperti gerakan sosial, kumpulan pendesak dan lazimnya digelar Generasi 73/76. Gelaran-gelaran ini diberikan kepada aktivis mahasiswa pada dekad tersebut berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mereka khususnya aktiviti yang berunsurkan politik dan sosial.

Secara ringkasnya di Thailand, aktivis mahasiswa 1970-an merupakan sebahagian gerakan sosial kerana mereka sering mengutarakan masalah-masalah atau isu-isu yang berkaitan dengan hal-ehwal rakyat terutamanya golongan masyarakat bawahan dari aspek kemajuan sosial dan ekonomi kepada pihak kerajaan. Selain memainkan peranan sebagai suara rakyat secara sukarela, aktivis mahasiswa ini juga turut menyumbangkan ilmu, tenaga dan kepakaran mereka kepada masyarakat golongan bawahan terutamanya di kawasan pedalaman agar golongan tersebut dapat menyedari hak sosial mereka di samping dapat meningkatkan taraf hidup ke arah yang lebih baik. Selari dengan khidmat kemasyarakatan yang diusahakan oleh aktivis mahasiswa ini, mereka juga memainkan peranan sebagai kumpulan pendesak terhadap kerajaan dengan tujuan untuk memastikan usaha pembangunan rakyat itu dapat dicapai. Ini kerana kerjasama dari pihak kerajaan sangat penting khususnya dari aspek perundangan dalam melaksanakan sesuatu perubahan terhadap masyarakat dan negara.

Sejak akhir 1960-an lagi aktivis mahasiswa telah mula memainkan peranan sebagai kumpulan pendesak dan kebanyakan dari desakan dan tuntutan mereka mendapat perhatian dan cuba dipenuhi oleh pihak kerajaan yang pada ketika itu berada di bawah pemerintahan rejim tentera. Pada era 1970-an, berlaku jurang ekonomi dan sosial yang luas di antara golongan elit dengan golongan masyarakat bawahan dan keadaan ini juga merupakan antara faktor yang mendorong aktivis mahasiswa lebih serius memperjuangkan nasib masyarakat bawahan khususnya golongan petani. Usaha dan keprihatinan yang ditunjukkan oleh golongan aktivis mahasiswa ini mendapat perhatian dan kepercayaan dari masyarakat dan pada masa yang sama mereka dapat membina pengaruh yang kuat tidak sekadar di Bangkok tetapi meliputi seluruh Thailand.

Aktivis mahasiswa 1970-an ini juga sering dirujuk sebagai Generasi 73/76 kerana mereka memainkan peranan utama dalam perjuangan menuntut reformasi politik di Thailand khususnya sebagai peneraju utama dalam demonstrasi besar-besaran pada tahun 1973 dan 1976. Pengaruh dan penglibatan aktivis mahasiswa dalam reformasi politik Thailand ini tidak pernah bernokhtah. Justeru perbincangan mengenai penglibatan mahasiswa dalam politik dekad 1980 hingga 1990-an akan turut dikaitkan dengan Generasi 73/76 ini untuk melihat kelangsungan peranan dan pengaruh mereka dalam dua dekad tersebut.

Dekad 1970-an juga telah memperlihatkan satu episod baru dalam sejarah Thailand khususnya dalam aspek politik negara tersebut. Politik Thailand mengalami satu perubahan yang drastik ekoran dari kebangkitan mahasiswa pada tahun 1973 yang berjaya menukar teraju pemerintahan dari rejim tentera di bawah kekuasaan Perdana Menteri Thailand, Thanom Kittikachorn kepada kerajaan demokrasi. Perubahan ini

merupakan satu kejayaan awal terhadap usaha golongan mahasiswa 1970-an untuk menegakkan konsep demokrasi di Thailand. Para mahasiswa yang terkorban dalam demonstrasi yang berlaku pada 14 Oktober 1973 atau dikenali juga sebagai “Bloody Sunday” kerana melibatkan pertumpahan darah dianggap sebagai perwira rakyat. Dan sehingga hari ini golongan pejuang atau aktivis mahasiswa ini dikenali juga sebagai *Generasi Tula 73* (Oktober 73).

Kebangkitan mahasiswa 1973 memberikan kesan yang besar dalam sistem politik Thailand sama seperti Revolusi Thai 1932. Revolusi Thai yang berlaku pada 24 Jun 1932 juga menyebabkan berlakunya pertukaran sistem pemerintahan di Thailand iaitu dari kerajaan monarki mutlak kepada sistem raja berperlembagaan. Desakan ke arah sistem demokrasi atau raja berpelembagaan ini telah diutarakan sejak zaman pemerintahan Raja Chulalongkorn (1868-1910) oleh segolongan elit Thailand yang berpendidikan barat. Keadaan ini menjelaskan bahawa penyebaran idea demokrasi sangat popular dalam kalangan kelas berpendidikan dan ia merupakan hasil dari permodenan dalam sistem pendidikan yang diusahakan oleh Raja Chulalongkorn dan kemudiannya diteruskan oleh pemerintah-pemerintah selepasnya seperti Raja Vajiravudh (1919-1925) dan Raja Prajadhipok (1925-1935).

Revolusi Thai 1932 dan gerakan mahasiswa 1973 masing-masing bermatlamat menegakkan sistem demokrasi di Thailand, namun begitu terdapat beberapa perbezaan antara kedua-duanya. Pertama, dari segi latar belakang pendidikan mahasiswa yang memainkan peranan utama di sebalik kedua-dua peristiwa tersebut. Permodenan dalam pendidikan khususnya di peringkat pengajian tinggi pada zaman Raja Chulalongkorn turut menawarkan peluang dan biasiswa kepada mahasiswa-mahasiswa yang cemerlang melanjutkan pelajaran ke luar negara. Ini memberi peluang kepada anak-anak dari

golongan pertengahan untuk belajar di luar negara seperti Perancis, England, Rusia, German dan Denmark. Ketika menuntut di negara Eropah golongan mahasiswa ini didedahkan kepada idea-idea kebebasan demokrasi barat dan begitu terpengaruh dengannya.¹ Sebagai contoh empat tokoh utama yang menjadi penggerak kepada Revolusi Thai 1932 iaitu Pridi Phanomyong, Prayoon Phamonmontri, Phibul Songgram dan Luang Tasnai Niyomseuk merupakan lulusan pengajian tinggi di Perancis.²

Kemajuan pendidikan di Thailand juga menjadi asas kepada kebangkitan mahasiswa dekad 1970-an, bagaimanapun keadaan ini sedikit berbeza dengan 1932. Penggerak utama kebangkitan mahasiswa 1973 adalah mahasiswa-mahasiswa universiti tempatan khususnya dari Universiti Thammasat antaranya Thirayuth Boonmi, Seksan Prasertkul, Thongchai Winnichakul dan Sombat Thamrongthanyaongse. Ini menjelaskan bahawa idea-idea barat seperti modenisasi dan demokrasi tersebar luas dalam kalangan mahasiswa universiti di Thailand dan ia juga menunjukkan bahawa pendidikan di universiti tempatan juga mampu memberikan impak yang besar kepada kesedaran dan perkembangan pemikiran politik dalam kalangan mahasiswa Thailand.

Pendedahan terhadap idea-idea demokrasi khususnya dalam dekad 1970-an berjaya meningkatkan kesedaran golongan mahasiswa ketika itu terhadap kelemahan pentadbiran kerajaan tentera dan kemunduran masyarakat di Thailand. Situasi tersebut mendorong mahasiswa berperanan sebagai 'kumpulan pendesak' terhadap kerajaan kerana merasakan pihak kerajaan perlu berubah ke arah pentadbiran yang lebih menepati prinsip demokrasi. Usaha ini masih lagi diteruskan dalam dekad 1990-an, kebanyakan dari golongan aktivis mahasiswa 1970-an ini kekal menjadi suara rakyat dan mereka menyalurkan pandangan dan kritikan mereka secara persendirian di media cetak dan juga melalui pertubuhan bukan kerajaan.

Perbezaan yang kedua, merujuk kepada individu yang memainkan peranan utama dalam pelaksanaan reformasi. Penggerak utama kepada Revolusi Thai 1932 merupakan gabungan kerjasama dari dua kumpulan iaitu pertama dikenali sebagai golongan rendah dan kedua dikenali sebagai golongan kanan. Golongan rendah merujuk kepada bekas mahasiswa yang mendapat pendidikan di luar negara dan kebanyakan dari mereka telah menjawat jawatan sebagai pegawai awam. Termasuk dalam golongan ini adalah Pridi Phanomyong, Prayoon Phamonmontri, Phibul Songgram dan Luang Tasnai Niyomseuk. Sementara golongan kanan pula merujuk kepada pegawai-pegawai tentera khususnya dari Angkatan Tentera Darat seperti Kolonel Phraya Phahon-Phonphayusana, Kolonel Phraya Songsuradet dan Kolonel Phraya Ritti-akkhanay yang berasa tidak puas hati dengan kelemahan sistem pentadbiran kerajaan monarki mutlak. Kedua-dua kumpulan ini bersatu di bawah Parti Rakyat atau *Khana Ratsadon* iaitu sebuah parti yang ditubuhkan atas usaha Pridi Phanomyong pada tahun 1927 di Paris.³ Parti Rakyat ini yang menjayakan rampasan kuasa pada 24 Jun 1932 di Thailand.

Manakala gerakan mahasiswa 1973 pula melibatkan kerjasama di antara mahasiswa universiti tempatan seluruh Thailand khususnya dari Universiti Thammasat dan Chulalongkorn dengan pelbagai peringkat masyarakat seperti golongan profesional, pelajar dan juga masyarakat umum. Peristiwa yang berlaku dalam bulan Oktober 1973 ini bermula pada 6 Oktober dengan penangkapan seramai 11 aktivis yang majoritinya adalah mahasiswa atas tuduhan melanggar peraturan Jabatan Eksekutif Negara Thailand yang mengenakan larangan mengadakan perhimpunan lebih dari lima orang atas tujuan politik. Kemudiannya dua lagi aktivis ditahan iaitu pada 7 dan 9 Oktober menjadikan kesemua aktivis yang ditahan berjumlah 13 orang.⁴ Berikutan hal ini satu demonstrasi telah diadakan pada 9 Oktober anjuran para mahasiswa universiti khususnya dari

Persatuan Pelajar Universiti Thammasat dan persatuan *National Student Center of Thailand* (NSCT). Demonstrasi ini bertujuan menuntut pembebasan 13 orang aktivis tersebut. Demonstrasi ini mendapat sokongan dari golongan mahasiswa di seluruh Thailand dan juga yang berada di luar negara serta turut mendapat kerjasama dari semua peringkat masyarakat termasuklah masyarakat bawahan. Bagaimanapun pada 14 Oktober, demonstrasi tersebut bertukar menjadi rusuhan antara mahasiswa dan orang awam dengan pihak tentera yang berakhir dengan kejatuhan kerajaan tentera di bawah pimpinan Perdana Menteri Thanom Kittikachorn pada 15 Oktober 1973.

Faktor ketiga yang membezakan peristiwa 1973 dengan Revolusi 1932 ialah dari aspek pentadbiran kerajaan negara Thai. Kejayaan Revolusi 1932 telah memberi peluang sepenuhnya kepada kuasa tentera di bawah nama Parti Rakyat atau *Khana Ratsadon* untuk mentadbir kerajaan yang baru. Kekuasaan Parti Rakyat disahkan di sisi undang-undang oleh Raja Boripat seorang yang sangat berpengaruh dalam kerajaan pada 24 Jun sejurus selepas gerakan revolusi ini berjaya menawan Bangkok.⁵ Order baru di bawah Parti Rakyat ini merupakan langkah awal perlaksanaan sistem demokrasi di Thailand, bagaimanapun sepanjang tempoh masa 1932 hingga 1973, kuasa pemerintahan dikuasai sepenuhnya oleh golongan tentera dan penubuhan parti-parti baru tidak dibenarkan terutamanya dari golongan awam.

Justeru itu, keadaan selepas Revolusi Thai 1932 jelas berbeza dengan demonstrasi besar-besaran 1973, kuasa pemerintahan tidak lagi berada di tangan tentera tetapi beralih kepada orang awam. Kerajaan demokrasi yang dibentuk pada tahun 1974 menggalakkan penyertaan golongan masyarakat umum dan mengurangkan penyertaan kumpulan elit dalam pentadbiran negara. Perubahan ini membuka peluang kepada orang awam untuk sama-sama memainkan peranan dalam pentadbiran negara dan langkah ini

berjaya memperluaskan pengaruh orang awam di Thailand. Ringkasnya perbandingan ini bertujuan untuk menonjolkan bahawa mahasiswa merupakan penggerak utama dan memainkan peranan yang sangat penting di sebalik kedua-dua peristiwa tersebut. Sekaligus menjelaskan bahawa penglibatan mahasiswa dalam politik bukanlah sesuatu yang asing di Thailand malah penglibatan mereka memberikan kesan yang besar kepada negara dan juga rakyat Thailand.

Seterusnya kajian ini juga menegaskan pembabitan mahasiswa Thailand dalam kegiatan berunsurkan politik yang begitu ketara dalam dekad 1970-an hingga 1990-an tidak dimanipulasi atau didominasi oleh mana-mana parti politik, sebaliknya gerakan mahasiswa ini bersifat 'rangkaian informal'. Gerak kerja mahasiswa ini bersesuaian dengan teori gerakan sosial yang dirujuk oleh Nick Crossley dari kajian Della Porta dan Diani yang menyimpulkan gerakan sosial mempunyai empat ciri iaitu:⁶

- (i) Jaringan atau rangkaian kerja yang tidak rasmi.
- (ii) Berkongsi kepercayaan dan perpaduan.
- (iii) Isu-isu semasa/ konflik semasa.
- (iv) Kekerapan menggunakan pelbagai cara protes.

Secara ringkasnya gerakan sosial itu merupakan satu jaringan kerja yang tidak rasmi berdasarkan kepada kepercayaan yang dikongsi bersama dan bersatu untuk menghadapi isu-isu semasa yang menimbulkan konflik kepada masyarakat dari sudut politik, ekonomi dan juga sosial melalui pelbagai cara protes. Ciri-ciri tersebut terdapat dalam tindakan-tindakan gerakan mahasiswa Thailand khususnya pada akhir dekad 1960-an sehingga dekad 1990-an.

Gerakan mahasiswa Thailand sebagai satu gerakan sosial yang bersifat 'rangkaiian informal' begitu jelas sejak akhir dekad 1960-an lagi sehingga ditubuhkan satu persatuan yang dinamakan *National Student Center of Thailand* (NSCT) pada 1969. Gerakan mahasiswa ini dihubungkan oleh rangkaian atau jaringan yang tidak formal berkongsi identiti yang sama dan dapat mengenalpasti dengan jelas siapa lawan mereka.⁷ Walaupun begitu ia tidak bermakna gerakan mahasiswa merupakan satu parti politik atau kumpulan yang mempunyai kepentingan, entiti politik yang stabil, yang mempunyai akses tetap kepada kuasa politik dan elit politik, mahupun sebuah trend massa yang tidak teratur, beroperasi sekejap dan tiada matlamat. Secara jelasnya gerakan mahasiswa ini tidak boleh dikategorikan sebagai parti politik dan mengikut trend massa.

Penubuhan NSCT yang dianggotai oleh mahasiswa-mahasiswa dari institusi pengajian tinggi seluruh Thailand begitu jelas melambangkan adanya perkongsian kepercayaan dan sifat bersatupadu di kalangan mahasiswa Thailand. Ini bertepatan dengan salah satu matlamat NSCT iaitu mewujudkan hubungan dan persefahaman yang baik di antara mahasiswa dengan masyarakat.⁸ Secara amnya, gerakan sosial merupakan satu gerakan secara kolektif dan tidak bersifat institusi, gerakan ini merancang usaha untuk membawa perubahan secara besar-besaran dalam struktur sosial. Gerakan mahasiswa Thailand sememangnya bermatlamat untuk menjayakan maksud tersebut.⁹ Persatuan ini juga merupakan usaha pertama dalam mewujudkan sebuah organisasi yang teratur mewakili golongan mahasiswa universiti.

Sementara ciri gerakan sosial yang ketiga dan keempat iaitu merujuk kepada elemen konflik semasa dengan menggunakan pelbagai cara protes jelas dapat dilihat melalui aktiviti dan tindakan protes mahasiswa di Thailand. Mahasiswa sering

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F
membangkitkan beberapa isu yang sering berlaku dalam negara seperti isu rasuah, kebijakan rakyat, ekonomi dan krisis perlembagaan terhadap pihak kerajaan dengan begitu kritis dan agresif.¹⁰ Jelasnya gerakan-gerakan protes mahasiswa yang berlaku khususnya pada 1973, 1976 dan 1992 membuktikan bahawa mahasiswa memainkan peranan utama dalam memperjuangkan sistem demokrasi di Thailand sehingga suku akhir abad ke-20. Ia juga merupakan satu sumbangan mahasiswa yang begitu bermakna kepada perkembangan, pembaharuan dan kemajuan politik Thailand.

Secara jelasnya dapat dinyatakan bahawa penglibatan mahasiswa dalam reformasi politik Thailand memberikan impak yang besar kepada negara tersebut. Pengaruh aktivis mahasiswa 1970-an begitu jelas terhadap kebangkitan aktivis mahasiswa dan golongan massa dekad 1990-an. Peranan aktivis mahasiswa 1970-an dalam perjuangan ke arah demokrasi yang berlandaskan teori pergerakan sosial masih berterusan sehingga kini. Pengaruh mereka sebagai gerakan sosial tersebar luas kepada masyarakat umum dan menjadi ikutan terutamanya dalam kalangan mahasiswa generasi 1990-an, malah boleh dianggap sebagai kumpulan perintis kepada Generasi 73/76. Ini menunjukkan bahawa gerakan mahasiswa ini bersifat berterusan, berkesinambungan dan ia kekal. Generasi 1970-an ini masih mempunyai peranan dan pengaruhnya dalam setiap sudut perubahan dan perkembangan politik Thailand.

Melalui peranan generasi 1970-an juga, gerakan mahasiswa dilihat sebagai satu gerakan yang sangat berpengaruh. Peranan mereka bukanlah sebagai pendemonstrasi jalanan yang suaranya tidak diberi perhatian oleh kerajaan, sebaliknya gerakan mahasiswa ini berjaya membentuk suatu gerakan yang terorganisasi melalui persatuan dan pertubuhan sama ada dalam kalangan mahasiswa sendiri mahupun golongan massa.

Perkara ini jelas dalam tahun 1980-an hingga 1990-an. Selain itu, wujud kolaborasi di

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

antara aktivis mahasiswa Generasi 73/76 dengan golongan aktivis mahasiswa generasi 1990-an dan golongan massa khususnya kesatuan-kesatuan sekerja dalam membawa perubahan dan pembaharuan dalam politik Thailand dan perkara ini kekal terlihat dalam usaha-usaha pendemokrasian Thailand sehingga kini.

1.2 Kerangkakerja Teoritik dan Konseptual

Peranan mahasiswa sebagai satu gerakan sosial yang kemudiannya membawa kepada penglibatan yang serius dalam politik Thailand boleh didasarkan kepada teori gerakan sosial. Teori ini dilihat mempunyai kesesuaian dan selari dengan gerakan aktivis mahasiswa di Thailand. Melalui analisis yang dilakukan dalam kajian ini, jelas menunjukkan penglibatan mahasiswa dalam politik Thailand mempunyai ciri-ciri seperti yang disebut dalam teori gerakan sosial. Terdapat beberapa definisi yang diberikan oleh para sarjana seperti Mikael Weissmann (2008), Craig Calhoun (1993) berhubung dengan gerakan sosial.

Misalnya menurut Mikael Weissman (2008), gerakan sosial merupakan satu hubungan sosial yang tidak formal yang mempunyai kepercayaan yang sama untuk menyokong matlamat sosial.¹¹ Manakala menurut Craig Calhoun (1993) gerakan sosial pada awal abad ke-19 selalunya bertentangan dengan politik konvensional sebelum abad tersebut. Gerakan ini tidak mempunyai sayap kanan dan kiri tetapi bergerak dalam satu persatuan yang mempunyai fahaman dan matlamat yang sama. Calhoun juga menyifatkan gerakan sosial mempunyai kepelbagaian bentuk, kandungan asas sosial dan tidak tertakluk kepada satu model sahaja.¹²

Takrif gerakan sosial seperti yang dinyatakan oleh Weissman dan Calhoun ini merupakan satu gambaran yang sangat bertepatan dengan gerakan mahasiswa Thailand

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

dan relevan dengan kajian ini. Gerakan mahasiswa bergerak secara natural dan tidak bersandarkan kepada kepentingan politik ataupun kepentingan diri sendiri. Gerakan mahasiswa jelas bermatlamat meningkatkan kemajuan rakyat dan negara Thailand dari segala aspek politik, sosial dan juga ekonomi.

Sementara Robin Cohen dalam artikelnya ‘transnational social movements’ (1998) menyebut gerakan sosial sebagai berikut:¹³

1. Tidak menentu.
2. Tidak rasional.
3. Tidak munasabah.
4. Tidak teratur.

Secara amnya, faktor tidak menentu itu membawa maksud gerakan sosial ini boleh dianjurkan dan dilakukan oleh sesiapa sahaja bergantung kepada situasi pelaku dan isunya namun lumrahnya gerakan sosial ini dilakukan oleh masyarakat umum. Kebiasaannya mereka yang terlibat dalam gerakan sosial tidak memikirkan kepentingan diri lebih dari apa yang mereka perjuangkan. Lantaran itu tindakan-tindakan gerakan sosial sering dianggap tidak munasabah dan mereka merasakan melanggar undang-undang dengan mengadakan pelbagai cara protes adalah wajar demi mencapai matlamat khususnya yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat umum. Kebiasaannya gerakan sosial ini mempunyai persatuan dan perancangan yang tidak teratur.

Bagaimanapun perincian yang dikemukakan oleh Cohen ini dilihat berbeza dari matlamat dan tindakan aktivis mahasiswa dekad 1970-an di Thailand. Gerakan mahasiswa melalui NSCT khususnya merupakan satu organisasi yang teratur. Lazimnya isu-isu yang dibangkitkan oleh aktivis mahasiswa berkenaan masyarakat dan politik

Thailand adalah munasabah dan wajar diberi perhatian serta diambil tindakan yang sewajarnya oleh kerajaan. Lantaran itu, dapat dilihat pada akhir 1970-an dan dekad 1980-an gerakan mahasiswa ini juga berjaya mendorong kebangkitan golongan buruh dan petani melalui kesatuan-kesatuan sekerja untuk memperjuangkan kepentingan ahli-ahli persatuan.

Manakala Jonathan Christiansen melalui artikel bertajuk “Four stages of social movement” (2009) pula menjelaskan gerakan sosial itu mempunyai empat peringkat iaitu peringkat pertama, perbincangannya berkaitan dengan masalah sosial, peringkat kedua sesuatu isu itu disensasikan, seterusnya peringkat ketiga, sesuatu isu itu menjadi perbincangan yang rasmi dan peringkat terakhir gerakan sosial dibentuk menjadi satu badan atau pertubuhan yang rasmi. Keempat-empat ciri ini membentuk satu proses gerakan sosial yang mempunyai empat tahap iaitu kemunculan, tautan, birokrasi dan merosot.¹⁴ Berkaitan dengan aspek kemunculan misalnya ia bermula dengan rasa tidak puas hati diperingkat individu dengan beberapa keadaan sosial, tetapi individu-individu ini tidak mengambil apa-apa tindakan untuk membetulkan rungutan mereka, atau jika ada ia hanya tindakan perseorangan dan bukannya tindakan kolektif.

Manakala di tahap kedua wujud pertautan atau kerjasama kolektif yang kemudiannya membentuk satu gerakan sosial. Peringkat ini juga dikenali sebagai "peringkat popular" kerana jaringan kerjasama itu lebih meluas. Pada peringkat ini muncul kepimpinan dan strategi untuk mengemukakan tuntutan atau mendapatkan penjelasan dari rasa tidak puas hati terhadap sesuatu dasar kerajaan atau keadaan sosial. Justeru pada peringkat ini demonstrasi besar-besaran mungkin berlaku dalam usaha untuk memaparkan kuasa gerakan sosial dan membuat tuntutan yang jelas. Di Thailand pertautan atau kerjasama kolektif ini wujud dalam gerakan aktivis mahasiswa yang